

## **Kesan Ketiadaan Literasi Digital ke Arah Salah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia**

### ***The Effect of the Absence of Digital Literacy on Muslim Adolescent Sexual Misconduct in Malaysia***

**Wan Abdul Fattah Wan Ismail**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)

[wanfattah@usim.edu.my](mailto:wanfattah@usim.edu.my) (Corresponding Author)

**Ahmad Syukran Baharuddin**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)

[ahmadsyukran@usim.edu.my](mailto:ahmadsyukran@usim.edu.my)

**Lukman Abdul Mutalib**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)

[lukman@usim.edu.my](mailto:lukman@usim.edu.my)

**Zulfaqar Mamat**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)

[zulfaqar@usim.edu.my](mailto:zulfaqar@usim.edu.my)

**Hasnizam Hashim**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)

[hasnizam@usim.edu.my](mailto:hasnizam@usim.edu.my)

**Syh Noorul Madihah Syed Husin**

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin  
(UniSZA)

[madihah@unisza.edu.my](mailto:madihah@unisza.edu.my)

**Mohamad Aniq Aiman Alias**

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM)

[aniqalias@raudah.usim.edu.my](mailto:aniqalias@raudah.usim.edu.my)

**ABSTRAK**

Penguasaan terhadap literasi digital amat penting dalam dunia yang semakin berkembang kini dan diperlukan khususnya dalam penggunaan teknologi. Ini kerana, literasi digital merupakan salah satu aspek yang sangat diperlukan pada masa kini kerana ia merupakan kebolehan seseorang menggunakan teknologi dengan baik dan betul. Walau bagaimanapun, kesan terhadap ketiadaan literasi digital khususnya dalam kalangan remaja boleh memberi natijah yang sangat besar dalam kehidupan mereka. Tanpa penguasaan literasi digital yang baik boleh membawa mereka terlibat dengan perkara yang tidak sepatutnya seperti salah laku seksual. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan kepentingannya dalam kehidupan seseorang dan kesan terhadap ketiadaan literasi digital ke arah salah laku seksual dalam kalangan remaja. Bagi kajian ini, penyelidik telah menggunakan pendekatan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual separa berstruktur dengan beberapa pusat perlindungan di Malaysia. Data-data yang diperolehi ini kemudiannya dianalisis secara tematik dan disokong oleh kajian lepas. Hasil kajian menunjukkan, literasi digital sangat diperlukan dalam kehidupan seseorang ketika menggunakannya teknologi digital kerana ia merupakan salah satu kemampuan untuk memahami dan menggunakan teknologi dengan baik. Ketidadaan literasi digital khususnya dalam kalangan remaja boleh membawa kesan kepada berlakunya salah laku seksual seperti mudah terdedah kepada aktiviti zina, membolehkan akses kepada bahan lucah, pergaulan bebas di media sosial dan perkhidmatan telefon bimbit dilihat lebih penting berbanding perkara lain. Diharapkan kajian ini dapat memberi pendedahan awal terhadap kepentingan literasi digital dan kesan ketiadaannya ke arah salah laku seksual remaja Islam di Malaysia.

*Kata kunci: Literasi Digital; Salah Laku Seksual; Remaja Muslim*

## ABSTRACT

*Mastery of digital literacy is very important in today's growing world and is needed especially in the use of technology. This is because digital literacy is one of the most necessary aspects nowadays. After all, a person can use technology well and correctly. However, the lack of digital literacy, especially among teenagers, can greatly impact their lives. Without a good mastery of digital literacy, they can be involved in inappropriate things such as sexual misconduct. Therefore, this study clarifies its importance in a person's life and the impact of the lack of digital literacy towards adolescent sexual misconduct. For this study, the researcher has used a qualitative approach by using document analysis and semi-structured interview methods with several shelters in Malaysia. The data obtained were then analyzed thematically and supported by previous studies. The study results show that digital literacy is necessary for a person's life when using digital technology because it is one of the abilities to understand and use technology well. The lack of digital literacy, especially among teenagers, can impact sexual misconduct, such as being susceptible to adultery, allowing access to pornographic material, and free association on social media and mobile phone services are seen as more important than other things. It is hoped that this study can provide early exposure to the importance of digital literacy and the impact of the lack of digital literacy on the sexual misconduct of Muslim teenagers in Malaysia.*

*Keywords: Digital Literacy; Sexual Misconduct; Muslim Teenagers*

## PENDAHULUAN

Perkembangan pesat dalam bidang sains dan teknologi dilihat sangat membantu urusan harian manusia dari pelbagai aspek kehidupan. Ini kerana teknologi digital telah menjadi salah satu platform yang terpenting dalam urusan seharian manusia dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan semasa (Sannusi, 2020). Sebagai contoh, teknologi digital dapat mempersembahkan kepada pelajar dengan bentuk pembelajaran secara audio mahupun visual dengan lebih menarik dan interaktif (Umam, 2013). Selain itu, melalui teknologi digital ini juga, ia dapat memudahkan manusia untuk memperoleh sesuatu maklumat dengan cepat dan mudah.

Secara umumnya, literasi digital merupakan salah satu aspek penting yang perlu ditekankan apabila menggunakan bentuk teknologi. A'yuni (2015) telah mendefinisikan literasi digital sebagai keupayaan untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, berkomunikasi, mengira dan, menggunakan bahan bercetak dan bertulis berhubung untuk mencapai pelbagai matlamat dalam mengembangkan pengetahuan dan potensi mereka, serta mengambil bahagian sepenuhnya dalam masyarakat. Konsep literasi digital ini mula muncul sejak tahun 1990 lagi (Naufal,

2021). Seorang tokoh yang terkenal iaitu Gilster (1997) turut mendefinisikan literasi digital sebagai kebolehan memahami dan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber digital. Jadi ia bukan sahaja merangkumi kemahiran membaca, malah proses pemikiran kritis turut diperlukan untuk menilai maklumat yang ditemui melalui media digital.

Oleh itu, masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda sangat memerlukan perhatian, bimbingan dan didikan daripada ibu bapa, guru dan juga pemerintah. Ini kerana, generasi muda sangat mudah untuk memperoleh bahan-bahan atau informasi negatif terutamanya dari media sosial, dan secara tidak langsung memberi kesan yang negatif dalam kehidupan seperti terjebak dengan salah laku seksual jika tidak menguasai literasi digital (Restianty, 2018). Hal ini menunjukkan, perlunya pendedahan literasi digital khususnya dalam kalangan remaja supaya mereka dapat menggunakan kemudahan teknologi kepada perkara yang sepatutnya. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan kepentingannya dalam kehidupan manusia, kesan kekurangan literasi digital ke arah salah laku seksual remaja serta, cadangan dan penambahbaikan lanjutan.

### **KAJIAN LEPAS**

Sebelum kajian ini dijalankan, terdapat beberapa kajian lepas yang telah membincangkan berkenaan topik kajian ini. Walau bagaimanapun, tiada kajian yang khusus yang memfokuskan kepada kesan terhadap ketiadaan literasi digital ke arah salah laku seksual remaja Islam.

Secara umumnya, kemahiran literasi digital berperanan untuk memudahkan dan menyokong seseorang menguasai kemahiran abad ke-21 seperti kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti (Sintian et al., 2021). Persoalannya, apakah yang dimaksudkan dengan literasi digital? Menurut United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), literasi ialah suatu kebolehan untuk mengenal pasti, memahami, mentafsir, mencipta, berkomunikasi, mengira dan menggunakan bahan bercetak dan bertulis berhubung dengan pencapaian pelbagai matlamat dalam mengembangkan pengetahuan dan potensi mereka, serta mengambil bahagian sepenuhnya dalam komuniti dan masyarakat mereka (A'Yuni, 2015).

Terdapat beberapa definisi dari pelbagai penulis sebelumnya berkenaan konsep literasi digital. Koltay (2011) mendefinisikan literasi digital sebagai suatu kesedaran, sikap dan keupayaan individu untuk menggunakan alatan dan kemudahan digital dengan sewajarnya untuk mengenal pasti, mengakses, mengurus, menyepadukan, menilai, menganalisis dan mensintesis sumber digital, membina pengetahuan baharu, mencipta ekspresi media dan berkomunikasi dengan orang lain, dalam konteks situasi kehidupan tertentu, untuk membolehkan tindakan sosial yang membina; dan merenungkan rantaian proses. Menurut Wan Ng (2015) pula, literasi digital merupakan salah satu cara berfikir tertentu. Naufal (2021) dalam kajiannya

menegaskan bahawa, literasi digital turut menekankan kepada kemahiran kritis ketika mengakses media digital tersebut.

Antara contoh aplikasi literasi digital dalam kehidupan seharian manusia adalah seperti pembelajaran secara atas talian, komunikasi menggunakan media sosial, menggunakan '*group*' di media sosial untuk menyebarkan maklumat, menggunakan *browser* dan sebagainya (Kompas, 2021). Dapat disimpulkan bahawa, literasi digital merupakan salah satu kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, pemikiran kritis, kemahiran kolaborasi, dan kesedaran sosial. Dengan kata lain, literasi digital adalah berkaitan dengan kemahiran berfungsi yang berkaitan dengan pengetahuan dan penggunaan teknologi digital yang berkesan, keupayaan untuk menganalisis dan menilai maklumat digital, mengetahui cara bertindak dengan selamat dan sewajarnya di alam siber, dan memahami bagaimana, bila, mengapa, dan bagaimana, dengan atau kepada siapa teknologi itu digunakan. Oleh itu, setiap pengguna khususnya remaja perlulah didedahkan sebaik mungkin berkenaan literasi digital agar mereka dapat menggunakan platform ini sebaik yang mungkin.

Walaupun dunia pada zaman ini semakin maju dari segi penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian, pendedahan terhadap literasi digital adalah masih kurang khususnya dalam kalangan remaja. Menurut Janassen et al., (2008), penggunaan teknologi adalah sangat penting dalam kehidupan manusia kerana banyak memudahkan urusan seharian kita. Walau bagaimanapun, beliau turut menekankan bahawa, seseorang bukan hanya perlu tahu bagaimana menggunakan teknologi tersebut semata-mata, bahkan pengguna juga perlu bijak berfikir dan menggunakannya dengan baik agar tidak berlaku salah guna dalam teknologi tersebut. Hal ini kerana, jika seseorang menyalahgunakan teknologi, ia dapat memberi impak yang negatif dalam kehidupan seseorang.

Kenyataan ini disokong oleh beberapa kajian sebelumnya di mana salah laku penggunaan teknologi membawa impak yang negatif dalam kehidupan seseorang seperti mudah terdedah kepada salah laku seksual. Dalam kajian Fauwaz (2016) menunjukkan bahawa, peratusan remaja yang terjebak dengan salah laku penggunaan teknologi digital adalah sangat tinggi. Kesan salah laku dalam penggunaan teknologi menjadi dorongan utama untuk mereka terjebak dengan salah laku seksual seperti berzina, rogol dan sebagainya (Dain, 2015). Kenyataan ini turut disokong oleh Abd Razak (2011) di mana penulis turut menyatakan, sekiranya remaja menyalahgunakan internet dalam kehidupan mereka, ia boleh membawa mereka untuk terjebak kepada salah laku seksual dan meruntuhkan akhlak mereka.

Walaupun bagaimanapun, perbincangan berkenaan konsep literasi digital, pendedahan terhadap kepentingan literasi digital serta kesan ketiadaannya terhadap salah laku seksual adalah masih kurang dibincangkan dengan terperinci. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan berkenaan konsep literasi digital, kepentingannya dalam kehidupan

seharian, kesan ketiadaan literasi digital terhadap salah laku seksual remaja serta cadangan dan penambahbaikan.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Penyelidik telah menggunakan kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual separa berstruktur dengan informan kajian dari pusat perlindungan yang terpilih di Malaysia. Menurut Bowen (2009), analisis dokumen adalah salah satu prosedur yang sistematik untuk mengkaji atau menilai dokumen sama ada bercetak atau dalam bentuk elektronik. Bukan itu sahaja, tujuan utama analisis dokumen ini adalah untuk menilai secara sistematik kedua-dua dokumen awam dan persendirian, dokumen primer atau sekunder (Walsh, 2014). Dalam kajian ini, data yang dirujuk adalah seperti penulisan jurnal, artikel, buku, tesis dan laman sesawang untuk mendapatkan data berkaitan skop kajian. Selain itu, penyelidik juga turut menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan data yang konkrit. Menurut Yan (2005), kaedah temu bual adalah sangat penting kerana ia merupakan kaedah pengendalian yang sangat berkesan dan pengumpulan data dapat dilakukan dengan lebih cepat. Informan kajian yang dipilih untuk ditemu bual adalah pihak berkepentingan yang menguruskan remaja di pusat perlindungan iaitu terdiri daripada pegawai kerja sosial perubatan, pengetua sekolah, penasihat agama, ketua penyelia dan juga peserta di pusat perlindungan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah. Kemudiannya, data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan menjawab kesemua objektif kajian yang ingin dicapai dalam kertas kerja ini.

**Jadual 1: Maklumat Informan Kajian**

| No. | Jawatan/Peranan                | Kod Informan Kajian |
|-----|--------------------------------|---------------------|
| 1   | Pegawai Kerja Sosial Perubatan | IK1                 |
| 2   | Pengetua Pusat Perlindungan    | IK2                 |
| 3   | Penasihat Pusat Perlindungan   | IK3                 |
| 4   | Pengetua Sekolah               | IK4                 |
| 5   | Ketua Penyelia Sekolah         | IK5                 |
| 6   | Peserta di Pusat Perlindungan  | IK6                 |

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN

#### Kepentingan Literasi Digital dalam Kehidupan

Pada zaman ini, semua lapisan umur masyarakat sama ada golongan remaja mahupun dewasa cenderung kepada penggunaan teknologi. Golongan remaja misalnya banyak menghabiskan masa mereka dengan penggunaan teknologi seperti telefon pintar, televisyen dan sebagainya. Tambahan lagi, wujudnya aplikasi yang pelbagai seperti *TV streaming*, *YouTube*, *Tik Tok* dan lain-lain lagi yang dilihat memudahkan mereka untuk mengakses bahan hiburan. Selain hiburan, informasi, berita dan maklumat juga mudah untuk didapati hanya melalui internet.

Menurut Wright (2012), terdapat beberapa kepentingan literasi digital dalam kehidupan manusia seperti berikut:

- i. Menjimatkan masa  
Literasi digital dilihat cukup besar dalam dunia pendidikan. Sebagai contoh, seseorang akan dapat menjimatkan masanya untuk mencari bahan rujukan dan informasi hanya melalui internet untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru atau pensyarah tanpa perlu ke perpustakaan.
- ii. Maklumat diperoleh dengan lebih cepat  
Melalui literasi digital juga, seseorang dapat memperoleh maklumat dengan lebih cepat dengan hanya membuat carian di internet.
- iii. Kemudahan untuk berhubung  
Pada zaman ini, terdapat pelbagai bentuk sosial media yang digunakan untuk berkomunikasi antara satu sama lain dan secara tidak langsung, melalui literasi digital ini juga akan memudahkan manusia untuk berhubung dengan sesiapa sahaja.
- iv. Sebagai platform hiburan  
Dengan adanya literasi digital, kita dapat memanfaatkan untuk tujuan hiburan seperti menonton di *YouTube*, bermain permainan video *games* dan sebagainya.

Ini menunjukkan, literasi digital diperlukan agar masyarakat memiliki sikap kritis dalam menerima setiap maklumat yang diperoleh daripada internet (Silvana & Darmawan, 2018). Ini kerana, di era digital ini, remaja tidak dapat mengelak daripada penggunaan teknologi dan literasi digital amat diperlukan kerana ia merupakan pengetahuan seseorang menggunakan media digital, alat komunikasi atau rangkaian untuk mencari, menilai, menggunakan, mencipta maklumat, dan memanfaatkan daripadanya (Salsabillah, 2022).

Menurut Samani et al., (2011), literasi digital cukup sinonim dengan ‘celik media’ dan seharusnya ada dalam setiap diri seseorang kerana boleh dikatakan hampir keseluruhan kehidupan manusia berkaitan dengan penggunaan teknologi dan pentingnya untuk menguasainya. Sekiranya diabaikan, akan timbulnya implikasi negatif kepada seseorang seperti terjebak dengan aktiviti salah laku seksual. Dalam bahagian seterusnya, penyelidik akan memperjelaskan kesan kekurangan literasi digital ke arah perilaku zina dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia.

### Kesan Kekurangan Literasi Digital ke Arah Salah Laku Seksual Remaja

Penggunaan teknologi digital pada masa kini memerlukan tahap literasi digital yang tinggi agar pengguna tidak menggunakan teknologi ke arah yang salah. Ruang digital yang begitu luas tanpa sempadan mampu mendorong berlakunya perilaku zina, khususnya dalam kalangan remaja. Penyelidik telah menemu bual dengan beberapa pusat perlindungan yang terpilih di Malaysia dan dapatan kajian menunjukkan, kekurangan terhadap literasi digital dalam kalangan remaja merupakan faktor terbesar yang mendorong remaja terjebak dengan salah laku seksual. Rajah 1 menunjukkan kesan ketiadaan literasi digital terhadap salah laku seksual.

**Rajah 1: Kesan Ketidadaan Literasi Digital Terhadap Salah Laku Seksual**



#### **a. Perkhidmatan Telefon Bimbit Lebih Utama Berbanding Perkara Lain**

Remaja masa kini telah menjadikan telefon bimbit sebagai satu alat yang penting dalam kehidupan sehingga mereka meletakkan telefon bimbit lebih utama berbanding keperluan asas yang lain (Wan Ismail et al., 2022). Informan kajian 1 (IK 1) turut memberikan pandangan bahawa remaja sanggup untuk menghabiskan wangnya demi mendahulukan penggunaan telefon bimbit melebihi keperluan makan dan minumannya. Petikan temu bual adalah seperti berikut:

Saya *duk* nampak sekarang *ni*, penggunaan *handset* iaitu teknologi merupakan faktor utama. Ada satu hari *tu*, ayah tukang kebun, mak hanya bekerja sebagai kantin sekolah. Maknanya keluarganya cukup-cukup makan sahaja. Pernah dia bagitahu saya, di sekolah,

dia tak makan. Simpan duit tadi untuk beli *top up* untuk kegunaan *handset*. Jadi bagi sayalah, *handset* tu *lah* faktor utama.

(Informan kajian 1, IK 1)

Berdasarkan petikan temu bual tersebut, ketaksuban remaja terhadap penggunaan telefon pintar dilihat begitu ketara sehingga mereka sanggup menghabiskan wang demi penggunaan teknologi. Ini menunjukkan, kurangnya terhadap celik teknologi boleh menatijahkan implikasi negatif kepada pengguna sehingga mengabaikan keperluan lain dalam kehidupan seharian.

Kenyataan ini disokong oleh Al Mazni et al., (2013), kesan kurangnya penguasaan terhadap literasi digital boleh membawa impak yang negatif kepada pengguna jika tidak digunakan dengan cara yang betul atau tanpa pengetahuan dan pemahaman yang baik terhadap penggunaan teknologi. Selain itu, anak-anak yang hidup pada zaman yang moden lebih banyak didedahkan dengan peranti canggih sejak dari kecil lagi (Wan Ismail et al., 2023). Alasannya adalah sebagai cara untuk menarik perhatian anak-anak dari meragam atau mengelakkan anak-anak mereka dari mengganggu urusan ibu bapa sama ada di rumah atau di luar rumah (Omar & Latip, 2015).

Ini secara tidak langsung menjadikan anak-anak merasakan peranti sangat penting dalam kehidupan mereka berbanding dengan perkara lain kerana telah diajar sejak kecil lagi (Wan Ismail et al., 2021a). Oleh itu, pentingnya untuk mengawal penggunaan peranti canggih dengan sebaik yang mungkin dengan memberi menguasai pengetahuan literasi digital dengan baik. Sekiranya diabaikan, golongan remaja khususnya akan menjadikan teknologi sebagai keperluan utama dalam kehidupan seharian dan mereka lebih mudah untuk terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti salah laku seksual.

#### ***b. Pendedahan Zina Menyebabkan Rasa Ingin Mencuba***

Selain itu, kekurangan penguasaan literasi digital juga boleh menyebabkan remaja mudah terdedah kepada aktiviti zina dan rasa ingin mencuba. Informan kajian 2 (IK 2) turut menyokong bahawa teknologi yang tidak dikawal boleh membawa kepada gejala zina akibat timbulnya perasaan ingin mencuba, iaitu:

Kedua, faktor rakan sebaya pun ada juga, iaitu pengaruh terhadap media massa dekat sekolah. Diorang kan macam bergaul dengan teman lelaki serta dengan kemudahan IT, dan dia ingin mencuba. Jadi, bila mencuba, ada yang terlanjur, ada yang tak bernasib baik *dah pregnant* tu ada juga *lah*.

(Informan kajian 2, IK 2)

Hasil temu bual di atas menunjukkan, melalui teknologi juga, para pengguna akan mudah terdedah kepada banyak perkara. Menurut Azizan et al., (2019), teknologi internet banyak memberi kemudahan kepada manusia. Informasi, maklumat dan

platform untuk bersosial juga turut tersedia melalui teknologi ini (Anwar, 2017). Namun sekiranya pengguna tidak menguasai kemahiran literasi digital, mereka akan mudah terdedah dengan aktiviti atau perkara negatif seperti mudah terdedah kepada perlakuan zina.

Menurut Hasbullah (2016), kurangnya terhadap kemampuan menggunakan teknologi boleh membawa seseorang untuk terdedah dengan salah laku seksual seperti zina kerana pendedahan terhadap pornografi dan akhirnya mendorong mereka untuk melakukan zina. Mass & Dewey (2018) di dalam kajian merumuskan bahawa, remaja yang ketiadaan literasi digital boleh membawa mereka kepada ketagihan pornografi dan akhirnya mendorong mereka untuk terlibat dengan aktiviti zina. Ini menunjukkan bahawa, pendedahan terhadap literasi digital amatlah diperlukan bagi setiap pengguna agar dapat digunakan kepada perkara yang bermanfaat dan tidak terjebak dengan aktiviti zina.

### **c. Membolehkan Akses Kepada Bahan Lucah**

Isu pornografi merupakan perkara yang serius dalam masyarakat kita pada hari ini. Golongan remaja merupakan golongan rentan yang masih keliru dalam membuat pertimbangan yang waras. Oleh itu, kemudahan penggunaan telefon bimbit kini telah disalahgunakan oleh para remaja yang akhirnya membawa kepada masalah sosial.

Ada kes yang kita temu bual, memang dia senang akses kepada benda macam *tu lah* (bahan lucah).

(Informan kajian 2, IK 2)

Selain itu, Informan kajian 3 (IK 3) turut menyatakan bahawa, penggunaan teknologi pada masa kini yang serba canggih memudahkan remaja untuk mengakses pelbagai maklumat dengan begitu mudah dan cepat. Oleh itu, pergerakan bahan-bahan yang tidak bermoral juga lebih mudah untuk berlaku dan dapat diakses oleh para remaja.

Disebabkan nafsu, dan masalah media sosial sekarang *ni*. Masa dulu, zaman saya budak-budak dulu, masa Maahad, nak jumpa *tu*, sangat payah lelaki, perempuan. Tapi sekarang *ni*, dengan sekali *tick* sahaja di telefon, banyak *hok* boleh tengok. Sebab *tu*, memang berat. Sebab telefon *lah* ramai budak *hok* rosak, budak-budak muda *loni*. Kemudian, saya ada satu kes *ni*, seorang remaja. Saya *check* telefon dia. Kita *check* dia punya *WhatsApp*, penuh dengan *group* pergaulan bebas, status seks bebas, ada gambar-gambar lucah, lepas *tu* pula ada video-video porno yang dikongsi *kan*. Tapi kadang-kadang, ibu bapa *ni* ketinggalan zaman. Jadi perkembangan anak-anak dia tak ambil tahu sangat. Anak-anak yang lebih pandai daripada ibu bapa. Jadi dia pandai susuk. Saya ambil contoh *lah*, dia buat masuk dalam memori kecil *tu jah*. Bila kecil, memori *tu* dia boleh sembunyikan *je* dan bila ayah dia *check* telefon dia, tak akan jumpa. Dia masuk

balik dan “on” kan balik. Jadi ada juga lagu *tu*. Sebenarnya bagi saya, 90% kerosakan remaja zaman sekarang *ni* disebabkan telefon.  
(Informan kajian 3, IK 3)

Kalau zaman dulu, orang malu untuk berkata atau melihat dengan mata tapi dengan tangan (telefon) orang tidak ada perasaan malu. Dia hanya boleh menaip dengan tulisan sahaja. Mengarang, gambar yang dihantar kemudian buat video *call*. Jadi benda *tu*, boleh berlaku dalam bilik sahaja! Sebab *tu*, kalau dulu memang *lah*, sebab kita kata, kita boleh tengok beza keadaan dulu dengan keadaan sekarang. Ya, *ia* cukup berbeza. Dulu memang *lah* kita kata, nak boleh *ko* jumpa atau nak pegang tangan pun, susah.  
(Informan kajian 3, IK 3)

Hasil temu bual menunjukkan, ketiadaan literasi digital boleh membawa pengguna untuk mengakses kepada bahan lucah atau pornografi. Salah satu aktiviti yang disifatkan melanggar norma akhlak seseorang seperti menunjukkan aurat secara keterlaluan bagi membangkitkan nafsu yang menontonnya. Penggunaan teknologi yang semakin canggih membolehkan pengguna mengakses banyak perkara (Wan Ismail et al., 2021b).

Namun, kekurangan literasi digital boleh membawa pengguna untuk mengakses bahan lucah. Menurut Yaakob & Hamsan (2016), teknologi yang semakin canggih ini membolehkan pengguna menghantar dan menyimpan filem, imej dan perkataan lucah tanpa ditemui oleh sesiapa pun. Ini menunjukkan bahawa, pentingnya pendedahan terhadap literasi digital agar pengguna dapat menggunakan teknologi dengan sebaik mungkin dengan dapat membezakan perkara baik ataupun buruk.

#### **d. Pergaulan Bebas di Media Sosial**

Selain itu, kesan ketiadaan terhadap penguasaan literasi digital juga boleh membawa kepada masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja jika tidak dikawal dengan sebaiknya. Keadaan ini telah dinyatakan oleh Informan kajian 4 (IK 4) iaitu:

Penghuni kita memang sangat mudah la terlibat dengan pelacuran, bahan lucah. Jadi dia tengok bahan-bahan lucah. Dia ajar, *oh* macam *ni*. *Pastu* melalui telefon *ni*, senang sangat untuk mendapat kawan. Kadang-kadang dia masuk dalam *Facebook* dan tulis; ‘*saya kesunyian la*’. Jadi, beribu-ribu lelaki nak cari dia. Saya ada tengok juga satu penghuni kita *tu* dah bebas dah dia tunjuk gambar dia dalam *Facebook* dia, hari ni saya kesunyian. *Pastu* saya tengok jantan-jantan beratus jantan-jantan bersedia untuk ditemani. Misalnya; ‘*Ok kat mana? Saya boleh ambil awak.*’. Tengok! Dalam *Facebook* betapa mudahnya benda-benda *ni* boleh berlaku.  
(Informan kajian 4, IK 4)

Informan kajian 5 (IK 5) turut menyokong bahawa isu pergaulan bebas yang berlaku menerusi aplikasi media sosial boleh membawa kepada perilaku yang salah dengan menyatakan:

Okay *diorang* telefon dekat tangan *pastu* ada aplikasi-aplikasi yang senang *je*, *diorang share je* ada *je* dekat, antara faktor sebenarnya. Antara dia berkomunikasi di *Facebook* atau *WhatsApp*, macam-macam *la*, aplikasi jumpa jodoh *ni*, *pastu* dia cari orang yang dekat *la*. Ada jugak pelajar yang tak tahu nama budak *laki tu*, nama penuh dia pun tak tahu.

(Informan kajian 5, IK 5)

Perkara yang telah dijelaskan di atas telah disahkan oleh informan kajian iaitu Informan kajian 6 (hingga menyebabkan beliau menghalang ibunya mendedahkan anaknya dengan telefon bimbit. Informan kajian 6 (IK 6) menyatakan bahawa:

Pengkaji: Ada tak faktor telefon, *WhatsApp tu* menyebabkan kita jumpa orang-orang yang pelik-pelik? Kawan-kawan. Pergaulan bebas *lah*.

Informan kajian 6 (IK 6): Ada, *maybe* sebab situasi Azean (*buka nama sebenar*) boleh kenal dengan kawan-kawan yang lain.

Pengkaji: Yang dalam *group* semua *tu la ya kan*?

Informan kajian 6 (IK 6): *Haa*. Dalam *group*.

Informan kajian 6 (IK 6): Sebab sekarang ni kalau setiap kali *call*, Azean *call* dengan mama Azean. *Hmm* macam mana eh. Macam mama Azean kata, anak saya ni suka main telefon dengan dengar lagu. Azean kata jangan ajar main telefon kecil-kecil.

Informan kajian 6 (IK 6): Takut, *effect* dia ke. Sebab Azean sejak dari kecil suka main telefon jadi bila tak ada telefon tu hidup jadi macam tak tenang.

Pengkaji: Ya. sebab *dah* terbiasa melekat dengan telefon.

Informan kajian 6 (IK 6): So, Azean cakap *la kat* mak Azean, nasihatkan mak Azean, jangan ajar main telefon dari kecil lagi.

(Informan kajian 6, IK 6)

Ia bertepatan seperti yang dinyatakan oleh Informan kajian 6 (IK 6) iaitu; salah satu faktor utama yang membawa remaja terlibat dengan aktiviti seks bebas adalah kecanggihan teknologi dalam mengakses apa jua maklumat termasuklah pornografi, *dating apps*, dan pelbagai lagi laman sesawang yang mengandungi kandungan yang berunsur lucah dan mengajak kepada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.

Kenyataan ini adalah selari dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Abd Razak (2011). Dalam kajiannya, penulis cuba untuk menentukan pengaruh internet terhadap kemerosotan akhlak remaja Islam dalam kajiannya. Hasil kajian menunjukkan,

penyalahgunaan internet telah membawa kepincangan dan kemerosotan akhlak dalam kalangan kanak-kanak masa kini seperti aktiviti yang tidak bermoral iaitu pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, mencuri, ponteng sekolah dan sebagainya. Lebih teruk, perkara ini kerap berlaku dalam kalangan remaja Muslim (Gan, 2007). Ini menunjukkan bahawa, pentingnya penguasaan literasi digital agar tidak terjebak kepada perilaku yang tidak sepatutnya.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas menunjukkan, kebergantungan masyarakat terhadap teknologi dilihat semakin meningkat seiring dengan peredaran zaman. Hal ini secara tidak langsung mendedahkan masyarakat khususnya golongan remaja kepada pelbagai bentuk kemudahan teknologi tersebut seperti platform hiburan, perhubungan, sumber pengetahuan dan sebagainya. Pada penelitian penyelidik, pentingnya penguasaan terhadap literasi digital atau celik teknologi khususnya kepada generasi muda dalam menggunakan teknologi dengan lebih baik. Ini kerana, tanpa penguasaan yang baik terhadap literasi digital boleh menatijahkan kesan buruk kepada generasi muda dan boleh membawa mereka terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral seperti salah laku seksual. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat perlulah berganding bahu dalam memberi penguasaan kepada generasi muda dalam menggunakan teknologi dengan kaedah yang betul supaya isu-isu berkaitan aktiviti salah laku seksual dapat berkurang pada masa akan datang.

### **Cadangan dan Penambahbaikan**

Teknologi mempunyai banyak manfaatnya dalam kehidupan manusia seperti menjimatkan masa, sebagai medium untuk berhubung, memudahkan untuk mendapatkan maklumat dan sebagainya. Walaupun teknologi ada manfaatnya tersendiri, kekurangan terhadap penguasaan literasi digital dalam penggunaannya khususnya golongan remaja memberi impak yang negatif ke arah salah laku seksual. Oleh itu, pendidikan terhadap literasi digital bagi golongan muda adalah sangat penting kerana mereka adalah golongan yang paling terdedah dalam penggunaan media pada masa kini. Hal ini kerana, jika mereka menggunakannya ke jalan yang salah, ia nya secara tidak langsung memberi kesan yang buruk dalam diri mereka.

Oleh itu, mereka ini perlulah diberi pendedahan terhadap literasi media dan literasi digital sejak dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Hal ini kerana, literasi digital juga merangsang perkembangan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran seseorang dalam mentafsir teks media dan menggunakan teknologi, serta keupayaan untuk berinteraksi antara pengguna dan teknologi serta antara pengguna dan penerima kandungan. Seterusnya, sebagai warganegara yang bertanggungjawab, mereka perlulah mempunyai pemahaman dan pengetahuan yang lebih luas tentang akses, analisis, penilaian kritis dan penciptaan kandungan yang lebih menjurus kepada pembangunan media baharu. Ia memerlukan pengguna yang secara sedar memilih, mengiktiraf dan bertindak balas dan turut mengambil bahagian sebagai sebahagian daripada warga yang bijak, kreatif dan produktif dalam media. Ini

menjadikan masyarakat akan lebih cakna dan bijak dalam menggunakan teknologi dengan lebih baik.

Akhir sekali, menurut Ulwan (1990) di dalam kitabnya yang bertajuk "*Tarbiyatul Aulad Fil Islam*" menyatakan bahawa, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa seharusnya mendidik anak-anak untuk menggunakan teknologi dengan baik dan mengawasi setiap gerak atur yang dibuat oleh anak-anak mereka sepanjang menggunakan kemudahan teknologi tersebut.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, remaja khususnya perlulah diberi pendedahan yang sebaik mungkin terhadap penguasaan literasi digital. Pada zaman yang serba canggih ini, remaja sangat mudah untuk mengakses pelbagai maklumat dan bahan hiburan dengan hanya melalui internet sahaja. Kajian ini menunjukkan, rata-rata remaja yang pernah terlibat dengan salah laku seksual adalah mereka yang kurangnya penguasaan terhadap literasi digital. Ibu bapa, pihak sekolah dan masyarakat amnya perlulah memainkan peranan yang cukup besar dalam memantau golongan remaja ketika menggunakan kemudahan teknologi ini. Institusi keluarga memainkan peranan yang cukup besar dalam kehidupan remaja kerana di sinilah tempat bermulanya proses pembelajaran mereka berlaku. Ibu bapa seharusnya mengawasi aktiviti anak-anak mereka dan mengehadkan penggunaan teknologi agar tidak berlaku salah guna. Seterusnya, di peringkat sekolah pula, para guru disarankan untuk memberi pendedahan terhadap manfaat penguasaan literasi digital dalam aspek pembelajaran, hubungan, komunikasi dan sebagainya. Kesan ketiadaan literasi digital ini akan menyebabkan mereka bebas untuk mengakses apa sahaja. Akhir sekali, masyarakat awam juga turut memainkan peranan yang penting dalam memberi kesedaran terhadap kepentingan literasi digital dalam kalangan remaja agar tidak berlaku salah guna. Diharapkan agar kajian ini dapat memberi pendedahan awal terhadap kepentingan literasi digital dalam kehidupan seseorang khususnya golongan remaja dan kesan jika ketiadaan literasi digital seperti terdedah kepada salah laku seksual.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) di atas sokongan yang diberikan melalui projek penyelidikan yang bertajuk "Pembinaan Modul Sahsiah Remaja Islam Terlanjur Di Negeri Terengganu" (USIM/TSIS/FSU/LUAR-S/41321). Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik-penyelidik Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas kerjasama yang telah diberikan.

## RUJUKAN

- A'yuni, Q. Q. (2015). Literasi Digital Remaja di Kota Surabaya (Studi Deskriptif Tentang Tingkat Kompetensi Literasi Digital pada Remaja Smp, Sma dan Mahasiswa di Kota Surabaya). *Libri-Net*, 4(2), 1-15.
- Abd Razak, N. H. (2011). *Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan*. Bachelor's thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Al Mazmi, M., Aslam, H. & Rajan, A.V. (2013). *The Influence of Technology on Children Health*. International Conference on Technology and Business Management, March 18-20, 1226-1235.
- Anwar, F. (2017). Perubahan dan permasalahan media sosial. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, dan Seni*, 1(1), 137-144.
- Azizan, M. A., Kariya, M. A., & Jasmi, K. A. (2019). *Media Sosial dan Penyebaran Budaya Transeksual Menurut Islam*. Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Dain, R. (2015). *Barah Pornografi Rosak Masyarakat*. [Online]. Diambil daripada <https://muafaqatpondok.wordpress.com/2015/06/03/barah-pornografi-rosak-masyarakat/> (Dicapai Julai 14, 2022).
- Downey, S., Hayes, N., & O'Neill, B. (2001). Play and Technology for Children Aged 4-12. *Dublin Institute of Technology*. [Online]. Diambil daripada [http://www.dcy.gov.ie/documents/research/Play\\_and\\_Technology.pdf](http://www.dcy.gov.ie/documents/research/Play_and_Technology.pdf) (Dicapai 21 Julai 2022).
- Fauwaz, H. (2016). *Seksualiti Remaja: Isu dan Cabaran Keluarga di Malaysia*. Kertas Kerja dalam Seminar Isu-Isu Seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016. Dewan Perdana, Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin (UNISZA), Kuala Terengganu Pada 19 Mac 2016.
- Gan, K. M. (2007). *Kajian Kes Perogol di Penjara Negeri Kedah dan Perak*. Tidak Diterbitkan. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Gilster, P. (1997). *Digital literacy*. Wiley Computer Pub.
- Hasbullah, F. (2016). *Seksualiti Remaja: Isu dan Cabaran keluarga di Malaysia*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Isu-Isu seksualiti Peringkat Kebangsaan 2016, Dewan Perdana UNISZA Kuala Terengganu.
- Jonassen, D., Howland, J., Marra, R.M. dan Crismond, D., (2008). *Meaningful Learning with Technology*. Pearson Prentice Hall: New Jersey, USA.
- Koltay, T., (2011). The Media and The Literacies: Media Lietracy, Information Literacy, Digital Literacy. *Journal Media, Culture & Society*. 33(2), 211-221. <https://doi.org/10.1177/0163443710393382>.
- Kompas. (2021). *Literasi Digital: Pengertian, Prinsip, Kepentingan, Tantangan dan Contoh*. [Online]. Diambil daripada <https://www.kompas.com/skola/read/2021/06/15/142539669/literasi-digital-pengertian-prinsip-kepentingan-tantangan-dan-contoh> (Dicapai 10 Ogos 2022).

- Mass, M. K., & Dewey, S. 2018. Internet Pornography Use Among Collagiate Women: Gender Attitudes, Body Monitoring, and Sexual Behavior. *Sage Journals*, 8(1), 1-9.
- Naufal, H. A. (2021). Literasi Digital. *Jurnal Perspektif – Yayasan Jaringan Kerja Pendidikan Bali*, 1(2), 195-202.
- Norman, A. A., & Othman, N. (2020). Ketagihan Pornografi dalam Kalangan Remaja: Faktor dan Implikasi terhadap Sahsia diri Remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 205-215.
- Omar, S., & Latip, M. (2015). *Pengaruh Peranti Teknologi kepada Perkembangansosial dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak [The Influence of Technological Devices on Thesocial Development and Health Problems of Children]*. [Online]. Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/306256070\\_pengaruh\\_peranti\\_teknologi\\_kepada\\_perkembangan\\_sosial\\_dan\\_permasalahan\\_kesihatan\\_kanak-kanak](https://www.researchgate.net/publication/306256070_pengaruh_peranti_teknologi_kepada_perkembangan_sosial_dan_permasalahan_kesihatan_kanak-kanak) (Dicapai 27 Ogos 2022).
- Restianty, A. (2018). Literasi Digital, Sebuah Tantangan Baru dalam Literasi Media. *Jurnal Kehumanasan Universitas Pendidikan Indonesia*, 1(1), 72-87.
- Salsabillah, A. (2022). *Pentingnya Literasi Digital untuk Anak dan Remaja*. ResearchGate. [Online]. Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/359278884\\_Pentingnya\\_Literasi\\_Digital\\_untuk\\_Anak\\_dan\\_Remaja](https://www.researchgate.net/publication/359278884_Pentingnya_Literasi_Digital_untuk_Anak_dan_Remaja) (Dicapai 31 Mac 2023).
- Samani, M. C., Maliki, J., & Abd Rashid, N. (2011). Literasi Media: Melahirkan Pengguna Media Berpengetahuan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13(2), 41-64.
- Sannusi, S. N. (2020). Literasi Media dalam Kalangan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Isu Alam Sekitar. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 124-142.
- Silvana, H., & Darmawan, C. (2018). Pendidikan Literasi Digital di Kalangan Usia Muda di Kota Bandung. *PEDAGOGIA: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 16(2), 146-156.
- Sintian, M., Kiting, R., & Wilson. (2021). Sikap Murid terhadap Kemahiran Literasi Digital dalam Pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Sekolah Menengah Sabah, Malaysia (Students Attitude towards Digital Literacy Skill in Learning Kadazandusun Language at Secondary School, Sabah, Malaysia). *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 19-27.
- Sormin, S. A., Siregar, A. P., Priyono, C. D. (2019). *Konsepsi Literasi Digital dalam Pembelajaran Sejarah di Era Disruptif*. Seminar Nasional Sejarah ke 4 Jurusan Pendidikan Sejarah Universitas Negeri Padang, 647-662.
- Ulwan, A. N. 1990. *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*. Jeddah: Darussalam Lilthobaati Wannasyar Wa al-Tauzi.
- Umam, K. (2013). Penerapan Media Digital Dalam Pembelajaran Apresiasi Batik Kelas X SMA Negeri 1 Blega. *Jurnal Pendidikan Seni Rupa*, 1(1), 100-105.
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Mutalib, L., Nik Saleh, N. S. S., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Syed Husin, S. N. M., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S.

- (2022). Issue of Moral Degradation Among Muslim Adolescents in Malaysia: Issues, Challenges and Suggested Solutions: Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47-61. Diambil daripada <https://al-qanatir.com/aq/article/view/434>
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Syed Husin, S. N. M., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S. (2021a). *Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Keruntuhan Sahsiah Remaja Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. International Convention on the Basic Structure of Constitution (ICOBAC 2021), 212-222.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Nik Saleh, N. S. S., Mamat, Z., Sahdan, Z., Syed Husin, S. N. M., Alias, M. A. A., & Abdullah Kahar, N. S. (2021b). *Faktor-Faktor yang Menyumbang kepada Keruntuhan Sahsiah Remaja Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. International Convention on the Basic Structure of Constitution (ICOBAC 2021), 349-360.
- Wan Ismail, W., Sahdan, Z., Baharuddin, A., Abdul Mutalib, L., Nik Saleh, N., Mamat, Z., Syed Husin, S., & Alias, M. A. A. (2023). Keruntuhan Institusi Kekeluargaan dan Perzinaan Remaja Muslim di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 35(1), 19-38. doi:10.37052/kanun.35(1)no2
- Wan, Ng. (2015). New Digital Technology in Education, Conceptualizing Professional Learning for Educators. *Springer*. [Online]. Diambil daripada <https://doi.org/10.1007/978-3-319-05822-1> (Dicapai 21 Ogos 2022).
- Wright, B. (2012). *Top 10 Benefits of Digital Skills*. [Online]. Diambil daripada <https://webpercent.wordpress.com/2012/06/16/top-10-benefits-of-digital-literacy/> (Dicapai 15 Jun 2022).
- Yaakob, N., & Hamsan, H. H. (2016). *Kajian permasalahan tingkah laku seksual dalam kalangan belia Malaysia*. International Conference on Youth (ICYOUTH) 2016, 15-17 Nov. 2016, Mines Wellness Hotel, Seri Kembangan, Selangor.
- Yan, C. (2005). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill, Malaysia.

### Temu bual

- Informan kajian 1. Pegawai Kerja Sosial Perubatan. 8 Jun 2021.
- Informan kajian 2. Pengetua Pusat Perlindungan. 28 September 2021.
- Informan kajian 3. Penasihat Agama Pusat Perlindungan. 8 Jun 2021.
- Informan kajian 4. Pengetua Sekolah. 1 September 2021.
- Informan kajian 5. Ketua Penyelia Sekolah. 10 September 2021.
- Informan kajian 6. Peserta di Pusat Perlindungan. 13 September 2021.